

12 NOV 1997

Anwar-Usul

ANWAR BENTANG USUL PERCAYA TERHADAP KEPIMPINAN MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini beliau akan membentangkan di Dewan Rakyat usul percaya terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Usul berkenaan akan dibentangkan secepat mungkin pada sesi persidangan Dewan Rakyat yang sedang berlangsung sekarang, katanya pada persidangan media di pejabatnya di Perbendaharaan petang ini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata keputusan supaya usul itu dibentang dibuat oleh kabinet pada mesyuarat mingguannya hari ini.

Katanya usul tersebut mempunyai tiga tujuan:

- + Menyanggah draf resolusi anggota Kongres Amerika Syarikat Robert Waxler yang meminta Dr Mahathir memohon maaf atau meletak jawatan kerana dilaporkan menyatakan terdapat konspirasi Yahudi di sebalik krisis mata wang di Asia Tenggara;

(Dr Mahathir sebelum ini menjelaskan bahawa beliau tidak membuat kenyataan sedemikian dan hanya menyalahkan spekulator mata wang Amerika George Soros -- seorang Yahudi -- kerana memusnahkan ekonomi Malaysia melalui serangan terhadap ringgit).

- + Menyatakan sokongan penuh Anggota Parlimen Malaysia terhadap Dr Mahathir, dan;

- + Menunjukkan pendirian tegas rakyat Malaysia menyokong Dr Mahathir melalui semua parti di Parlimen.

Anwar berkata, surat dan draf usul yang ditandatangani 34 anggota Kongres Amerika Syarikat itu yang bertarikh 27 Okt lepas telah diterima oleh Dr Mahathir.

"Jemaah Menteri tidak mempertikaikan hak sesiapa untuk memberikan komen dan pandangan terhadap kenyataan yang kita keluarkan. Tetapi apa yang kita kesalkan ialah cara dan nada surat yang dikirim dan draf usul yang dikemukakan itu," katanya.

Majlis Tertinggi Barisan Nasional akan mengadakan persidangan tergepar dalam masa yang singkat ini bagi membincangkan desakan anggota-anggota kongres itu selepas MT Umno semalam membuat keputusan menolak desakan mereka supaya Dr Mahathir meminta maaf secara terbuka ataupun meletakkan jawatan.

Anwar berkata Jemaah Menteri pula telah mengarahkan beliau supaya menulis surat kepada anggota-anggota kongres itu secepat mungkin bagi memperjelaskan pendirian tegas Malaysia berhubung draf usul mereka.

"Kita ingin jelaskan di sini, pertamanya, Malaysia adalah negara berbilang kaum dan agama. Pendirian kita tidak berubah dan berganjak untuk menghormati kehidupan dan budaya yang pelbagai.

"Ini telah menjadi dasar kita dan diperkukuhkan lagi di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri. Oleh yang demikian untuk menyinggung seolah-olah kita ini anti mana-mana kaum sama ada Yahudi atau lain-lain tidak berbangkit sama sekali," katanya.

Anwar berkata, sebagai sebuah negara demokrasi, Malaysia berpegang kepada amalan bahawa rakyatlah yang menentukan pemimpinnya menerusi proses pilihan raya.

"Oleh yang demikian adalah tidak munasabah, kurang wajar, tidak tepat dan tidak demokratik bagi mana-mana negara atau mana-mana ahli kongres atau pihak yang menuntut pemimpin sesebuah negara merdeka dan berdaulat untuk meminta maaf, kemudian memberikan kata dua atau memilih untuk meletakkan jawatan," katanya.

Ketika ditanya sama ada kerajaan yakin usul yang akan beliau bawa ke Dewan Rakyat itu boleh mendapat sokongan parti-parti pembangkang, Anwar berharap mereka (24 anggota pembangkang) akan memberi sokongan kerana ia merupakan soal negara, berkepentingan nasional dan bukan soal politik kepartian.

"Saya yakin bahawa demi mempertahankan kewibawaan dan kebebasan, kita perlu memberi mesej yang jelas dan padu kepada semua pihak termasuk Kongres Amerika atau kepada beberapa anggotanya.

"Kita mesti mengisytiharkan sokongan bulat kita kepada Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan membantah sebarang usaha untuk campur tangan dalam politik dalam negara ini," kata Anwar.

Mengenai sama ada kerajaan sudah memanggil Duta Amerika Syarikat bagi menyatakan pendirian tegas Malaysia berhubung perkara itu, Anwar berkata, setakat ini ia tidak perlu dilakukan kerana usul 34 anggota Kongres itu masih berbentuk draf.

Bagaimanapun, beliau berharap Pentadbiran Amerika Syarikat memandang berat pendirian Malaysia berhubung isu itu.

"Sekarang ini hubungan dengan Pentadbiran Clinton seperti biasa, tidak ada sama sekali gambaran bahawa kita mengambil sikap yang berbeza. Ini justeru kerana usul yang dikemukakan itu masih berbentuk draf yang ditandatanganinya oleh 34 ahli kongres sahaja, ia masih belum merupakan pendirian dan kenyataan Pentadbiran Amerika Syarikat.

"Semua hubungan antara kita dan Amerika Syarikat masih pada tahap biasa dan kita ingin menegaskan bahawa kita akan meneruskan usaha mengekalkan hubungan baik sama ada dalam bidang diplomatik, ekonomi atau perdagangan dengan Amerika Syarikat," katanya.

Anwar berkata Malaysia tidak mahu usul yang dibawa oleh 34 anggota kongres itu dan percubaan menyinggung perasaan rakyat di negara ini menjejaskan hubungan baik di antara kedua-dua negara. -- BERNAMA

AH MAI